

10 JAN 1996

PENGUNDIAN PIMPINAN CUEPACS LANCAR, KEPUTUSAN DIKETAHUI ESOK

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Pengundian bagi pemilihan pucuk pimpinan Cuepacs berjalan lancar hari ini di Dewan Lee San Chon Wisma MCA di sini. Keputusannya akan diumumkan esok.

Pengiraan undi dijangka selesai tengah malam ini.

Seramai 830 wakil daripada 100 gabungan yang mewakili 848,000 pekerja sektor awam mengundi dalam pengundian selama tiga jam yang bermula pukul 3 petang. Pengundian diseliatkan oleh lima orang anggota jawatankuasa khas pemilihan.

Pemilihan kali ini menyaksikan persaingan sengit antara dua kumpulan bagi merebut jawatan penting termasuk jawatan presiden, timbalan presiden, setiausaha agung dan timbalan setiausaha agung.

Presiden Cuepacs, Mohamad Mat Jid ditentang oleh Timbalannya Haji Mustaffa Hassan manakala Naib Presiden N. Siva Subramaniam dan Timbalan Setiausaha Agung Mohamad Jamil Haji Ismail berebut jawatan Setiausaha Agung yang dikosongkan oleh A.H.Ponniah.

Siva Subramaniam menyokong Mohamad manakala Mohamad Jamil memihak kepada Mustaffa.

Pemilihan juga dijalankan bagi gred-gred tertentu seperti gred teknik, gred pengangkutan dan pegawai rendah.

Sebanyak 13 jawatan termasuk setiausaha kewangan dan beberapa jawatan gred tidak ditandingi.

Seramai 48 calon bertanding dalam pemilihan tiga tahun sekali itu. Konvensyen ke-20 Cuepacs dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam. -- BERNAMA